

Headline	Terharu tunai haji pada usia 27 tahun		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	26	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	715 cm ²
Journalist	Mohd Roji Kawi	AdValue	RM 24,552
Frequency	Daily	PR Value	RM 73,656



Terharu tunai haji pada usia 27 tahun

• Peniaga teruja dapat mengerjakan haji bersama isteri

Oleh Mohd Roji Kawi

mdroji@bh.com.my

■ Kuching

Ketika kebanyakan jemaah hanya berpeluang mengerjakan ibadah haji pada usia agak lanjut, seorang peniaga bersyukur kerana diberi kesempatan menunaikan Rukun Islam kelima itu pada usia muda.

Muhammad Khatib Johari, 27, antara 150 bakal jemaah haji dari Sarawak yang menjadi kumpulan terakhir berangkat dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK), di sini, malam kelmarin.

Muhammad Khatib berkata, beliau teruja kerana rayuan untuk menunaikan haji pada musim kali ini diterima Tabung Haji (TH) dan kesempatan itu adalah anugerah terindah sepanjang hidupnya.

Terima panggilan Disember
Katanya, beliau membuat rayuan kepada TH untuk menunaikan haji selepas isterinya menerima panggilan menunaikan ibadah itu pada Disember tahun lalu.

Beliau bersama isterinya, Nuraini Yaman, 31, mula mengumpul wang selepas menerima surat

panggilan dari TH kerana pendapatannya sebagai peniaga tidak menentu.

“Air mata saya mengalir selepas dimaklumkan terpilih menjadi tetamu Allah seawal usia 27 tahun, sedangkan ada jemaah lain hanya berkesempatan ketika sudah ber-

usia lanjut, selain mengalami pelbagai kekangan terutamanya masalah kesihatan.

“Seperti jemaah lain, saya dan isteri berharap akan memperoleh haji yang mabruk dan dikurniakan kesihatan yang baik sepanjang menjalani ibadah di Tanah Suci Makkah nanti,” katanya yang mempunyai seorang anak lelaki berusia setahun enam bulan.

Beliau bersama jemaah lain berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Jeddah jam 5.40 pagi semalam dari dijangka tiba di Jeddah jam 9.40 pagi waktu tempatan.

“Alhamdulillah, semua persiapan khususnya dari segi kewangan dan ilmu menunaikan haji dapat diselesaikan dengan sempurna sebagai persediaan untuk menjalani ibadah itu,” katanya.

Katanya, beliau akan menggunakan peluang itu sebaik mungkin dan berharap ini bukan peluang terakhirnya menjadi tetamu Allah.

Fakta nombor

450 JUMLAH

jemaah haji Sarawak tahun ini

Headline	Terharu tunai haji pada usia 27 tahun		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	02 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	26	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	715 cm ²
Journalist	Mohd Roji Kawi	AdValue	RM 24,552
Frequency	Daily	PR Value	RM 73,656

